

Rampasan hampir RM5 juta sebulan

Op Benteng Covid-19 yang berakhir pada Ahad membabitkan sebanyak 101 kes dan tangkapan seramai 125 individu

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

OP BENTENG COVID-19

Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) menumpaskan pelbagai jenayah rentas sempadan dan aktiviti penyeludupan antara Malaysia-Thailand di negeri ini membabitkan nilai rampasan hampir RM5 juta melalui Op Benteng Covid-19.

Operasi sebulan yang berakhir pada Ahad membabitkan sebanyak 101 kes dan tangkapan

seramai 125 individu.

Pegawai Pemerintah PGA 7, Superintendent Azhari Nusi berkata, pelbagai jenis dadah bernilai RM5,300 turut dirampas selain hidupan liar atau eksotik bernilai RM13,855, haiwan ternakan (RM708,300) dan barangan kawalan bersubsidi iaitu tepung, minyak masak dan petrol (RM 33,077).

Menurut beliau, barangan lain yang dirampas ialah kontra-ban pakaian, vape (RM2,483,835) dan beras (RM304,000) serta kes penyeludupan migran atau tujuh pen-datang asing tanpa izin (PATI).

“Walaupun terjejas banjir, operasi tetap dilaksanakan menerusi serbuan di stor dan premis yang dijadikan transit pengumpulan barangan seludup termasuk rokok, dadah, senjata api dan barangan kawalan,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Azhari sebelum itu meng-

hadiri Majlis Serah Tugas Op Benteng Covid antara beliau dan Pegawai Pemerintah Batalion 9 PGA, Superintendent Mannadzar Nasib yang disaksikan oleh Timbalan Komander Briged Tenggara PGA, Asisten Komisiner Sanudin Md Isa.

Menurut Azhari, pasukannya mengenal pasti modus operandi ataupun trend penyeludup membabitkan penyeludupan PATI yang dikesan melakukan kegiatan itu pada tengah hari dan Maghrib.

“Mereka beranggapan pe-tugas akan berehat untuk makan dan solat namun taktik berjaya ditumpaskan melalui penguatkuasaan di Sekatan Jalan Raya (SJR) di Lalang Pepuyu dan Banggol Kong, Pasir Mas.

“Penyeludupan beras pula dilakukan menggunakan kenderaan jenis lori yang membawa pasir bagi mengaburi pihak penguat kuasa tetapi PGA dapat mematahkan jenayah itu dan merampas 65.5 tan dianggarkan



Majlis Serah Tugas Op Benteng Covid antara Azhari (kiri) dan Mannadzar (kanan) yang disaksikan oleh Sanudin (tengah).

bernilai RM262,176 dan menahan tujuh lelaki,” katanya.

Tambah beliau, fokus utama PGA ialah mencegah dan mem-

banteras penyeludupan jenayah rentas sempadan dengan menggunakan strategi operasi berbeza serta terancang.